

# Nuraqilah bukti mampu jadi lebih baik

**Kuantan:** Meskipun ibu bapa berstatus orang kurang upaya (OKU), tidak sedikit pun mematahkan semangatnya untuk berjaya dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2018 apabila memperoleh keputusan 4A.

Lebih manis kejayaan dikecapi Nuraqilah Atikah Mat Sarif, 19, membuatkannya selangkah ke menara gading untuk mencapai cita-cita bergelar akauntan.

Menurutnya, dia tidak malu apabila ibunya, Norlin Zarena Abdullah, 56, dan bapanya, Mat Sarif Arof, 56, berstatus OKU kerana ia menjadi pemangkin kejayaan untuk dia membela orang tuanya pada masa hadapan.

“Ayah bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan RM500 sebulan selain turut menerima bantuan JKM.

“Adik masih bersekolah dan ayah perlu menanggungnya. Saya perlu ber-

saha keras untuk menjadi akauntan seterusnya boleh membantu mereka kelak,” katanya ketika ditemui selepas menerima Biasiswa Kecemerlangan Menteri Besar Pahang berupa insentif wang tunai RM1,000 di Wisma Sri Pahang, semalam.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dong itu berkata, dia kini sedang menunggu tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang perakaunan dan berharap permohonannya diterima.

Menceritakan resipi kejayaan dalam STPM, anak sulung daripada dua beradik itu memaklumkan hanya fokus dalam kelas dan memberi tumpuan kepada guru yang mengajar.

“Lepas habis kelas, ada pula kelas tambahan hingga jam 4 petang. Jika tidak faham saya terus bertanya kepada guru,” katanya.

Sementara itu, Mat Sarif berkata, kecacatan tangan



**NURAQILAH** Atikah bersama ibu bapanya selepas menerima Biasiswa Kecemerlangan Menteri Besar Pahang, semalam.

kanannya sejak kecil tidak menghalangnya berusaha keras mencari rezeki untuk isteri dan dua anak perempuannya.

“Alhamdulillah saya dan

isteri yang kini berkerusi roda mendapat bantuan JKM. Saya berdoa anak saya dapat memasuki universiti dan mengejar cita-citanya,” katanya.